

Ucapan : ADHO
543
162/80

Uchapan Y.B.Menteri Pelajaran Malaysia
Enche Hussein Onn di-Upachara Penutup
Kejohanan Olahraga MSSM di-Stadium Larkin,
Johor Bharu pada 25hb.Julai, 1972 pukul
4.00 petang.

Tuan2 dan Puan2 serta Olahragawan dan Olahragawati
sekalian.

Pada petang yang berbahagianini tiba-lah
kita kapada saat yang akhir Kejohanan Olahraga Majlis
Sukan Sekolah2 Malaysia kali yang kelapan. Sa-lama
empat hari dari 22hb. hingga ka-hari ini, murid2 dari
seluruh pelusok negara dari Perlis hingga ka-Sabah
telah menunjukkan kebolehan masing2 bertanding dengan
semangat yang penoh dan keazaman yang bergelora untuk
menchapai kejayaan dan membawa kemenangan kapada pasokan
masing2.

Kehadiran murid2 dan orang ramai yang datang
menyaksikan pertandingan ini menunjukkan bahawa bidang
Olahraga ada-lah satu bidang yang popular di-kalangan

murid2 dan sokongan yang di-beri ini sangat2-lah menggalakkan.

Memang-lah menjadi dasar Kerajaan kita, di samping hendak meninggikan taraf hidup raayat melalui rancangan2 Pembangunan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru, kita juga bertujuan hendak membentok satu bangsa Malaysia yang sehat dan chergas dari segi ruhani dan jasmani. Hasrat ini dapat-lah di-saksikan menerusi berbagai-bagai kegiatan dan ranchang-usaha yang di-jalankan oleh Kerajaan dari masa ka-samasa. Ini ada-lah kerana kita yakin dengan sa-penoh2-nya dengan pendapat bahawa dari tuboh badan yang sehat itu-lah akan terdapat fikiran yang pintar dan cherdas.

Negara kita Malaysia sudah pun mendapat nama yang harum di-seluruh dunia di-dalam bidang bulu tangkis. Kita sudah terkenal di-Benua Asia di-dalam bidang bola sepak, dan pasokan bola sepak kita, buat pertama kali-nya

memasuki pertandingan Sukan Olympik di-Munich dalam tahun ini. Lapangan2 yang lain maseh terbuka untok kita merebut-nya. Ada-lah menjadi kewajipan kapada Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia untok memberi latehar. dan galakan kapada anak2 kita yang maseh di-bangku sekolah bagi melengkapkan diri di-dalam bidang masing2 yang tertentu.

Saya merasa sungguh gembira dengan ada-nya Kejohanan ini murid2 dari Seluroh Negara berpeluang bertemu, berkenalan dan memupok perasaan muhibbah di-antara satu sama lain dalam suasana pertandingan dan persahabatan. Melalui Olahraga ini murid2 dapat mengenal dengan lebeh dekat lagi peserta2 yang datang dari Negeri2 lain terutama yang datang dari Sabah dan Sarawak serta dapat pula mengetahui latar belakang, keadaan adat resam serta kemajuan Negeri masing2. Dengan tersemai-nya perasaan muhibbah dan persefahaman di-kalangan peserta2 dan murid2 sekalian tentu-lah

dapat mengukuhkan lagi perpaduan di-antara kita semua di-Negeri ini.

Kejohanan Olahraga MSSM ada-lah satu temasha yang menarek perhatian ramai. Dari Kejohanan ini-lah lazim-nya muncul jagoh Olahragawan dan Olahragawati Negara kita dalam bidang Olahraga pada masa yang akan datang. Dari sini-lah juga timbul tunas2 dan bakat2 yang terpendam dan jika di-pupok, di-lateh dan di-galak akan berkembang menjadi jagoh2 yang membanggakan Negara. Ramai daripada murid2 yang pada satu masa dahulu bertanding dalam Kejohanan Olahraga MSSM dan yang menjadi jagoh2 dalam Kejohanan tersebut sekarang ini telah pun menjadi Johan Kebangsaan dan saya perchaya ramai pula daripada pemenang2 Kejohanan ini akan menjadi jagoh negara dalam Kejohanan Olahraga Malaysia pada tahun ini.

Dengan berubah-nya masa dan zaman, bidang sukan juga mengalami perubahan. Untuk menchapai kejayaan dalam bidang Olahraga kita hendaklah mengorientasikan sikap mental dan physical kita sejajar dengan kemajuan dunia moden yang menggunakan Sains dan Teknologi Moden. Sains dan Teknologi Moden boleh membawa kita kepada kejayaan bukan sahaja dalam bidang material tetapi juga di-dalam bidang Sukan. Sistem latehan yang menggunakan approach yang saintifik dengan memahami mekenik badan, kegunaan otot yang sistematik akan membolehkan kita menchapai taraf lebeh tinggi dalam bidang2 sukan. Kita dapat melihat di-dalam Pertandingan Sukan Olimpik umpama-nya negara2 yang telah menchapai taraf sains dan teknologi yang tinggi selalu sahaja mendahului negara2 lain. Ini membuktikan yang mereka menggunakan sistem latehan yang lebeh ^{baik} ~~sophis-~~ ~~ticated~~ dan yang berdasarkan kepada kemajuan Sains dan Teknologi sa-hingga boleh menurunkan jagoh2 yang mem-

punyai kebolehan yang mengkagumkan. Oleh kerana negara kita sekarang sedang menuju ka-arah kemajuan melalui Sains dan Teknologi, mutu sukan kita juga perlu di-pertingkatkan melalui saloran yang sama. Saya harap peserta2 sekalian akan dapat mensesuaikan diri dengan kemajuan tersebut supaya di-dalam kejohanan Olahraga MSSM pada tahun yang akan datang lebeh banyak lagi rekod akan dapat di-pechahkan dan mutu kejohanan akan bertambah tinggi.

Tuan2 dan puan2 sakalian.

Kejohanan Olahraga MSSM ada-lah satu temasha yang besar sekali di-jalankan oleh MSSM pada tiap2 tahun. Temasha ini melibatkan bukan sahaja wang ringgit yang banyak tetapi juga tenaga dan fikiran yang bukan sedikit. Ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kaseh kepada Yang di-Pertua MSS Johor dan Ahli2 Jawatankuasa Pengelola Kejohanan ini kerana berjaya menjalankan Kejohanan ini dengan sempurna-nya.



Kapada Kerajaan Negeri Johor yang telah memberi sumbangan wang sa-banyak \$6,000/- dan juga membenarkan kegunaan Stadium, kera'ian2 serta sumbangan2 yang lain, saya ucapkan sa-tinggi2 penghargaan dan ribuan terima kaseh bagi diri saya sendiri dan Kementerian Pelajaran.

Kapada Sharikat Caltex yang telah menjadi penaja Kejohanan dari sejak Kejohanan ini mula di-adakan, lagi sakali saya ucapkan terima kaseh yang istimewa. Saya tidak-lah lupa menyampaikan ucapan terima kaseh kapada Pegawai2 dan para dermawan yang telah memberi sumbangan wang dan tenaga untok Kejohanan ini.

Pada tahun hadapan jika Tuhan mengizinkan, kita akan berjumpa samula di-Kuala Trengganu.

Dengan ini saya dengan sukachita-nya mengistiharkan Kejohanan Olahraga MSSM kali yang kelapan dengan rasmi-nya di-tutup.

Terima kaseh.





laporan Kerajaan negeri Johor yang telah mendapat anggaran
 yang berjumlah RM 100/- dan juga memperincikan bagaimana
 stadium, kerusi-kerusi serta kemudahan yang lain, saya
 perhatikan usul-usul yang telah dibincang dan rujuk terima kasih
 bagi diri saya sendiri dan Kementerian Kerajaan
 kepada Encik Gopal yang telah menjadi penasihat kerajaan
 dari segi Kerajaan ini maka di-selamatkan, bagi sekali saya
 ucapkan terima kasih yang tulus. Saya tidak-lah juga
 menyanyikan ucapan terima kasih kepada Encik Gopal dan
 para pegawai yang telah memberi bantuan yang dan tenaga
 untuk Kerajaan ini.

Pada tahun hadapan jika Tuhan mengizinkan,
 Kita akan berjumpa semula di-Kuala Lumpur
 Dengan ini saya dengan sukacita
 mengucapkan terima kasih kepada Encik Gopal
 dengan hormat-saya di-tutup.
 Terima kasih.



No Siri	120
Penerimaan	120/80